

**PERANAN DAN KEBERKESANAN PIHAK LEMBAGA SUNGAI-  
SUNGAI SARAWAK DALAM PROSES MEMELIHARA DAN  
MEMULIHARA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK.**

**OLEH**

**SUFIAN SALLEH**

**TANDI KASUMA AHMAD**

**MOHAMMAD ASRI ADANAN**

**SITI NORMALA HAMZAH**

**ZAMIAH AHMAD**

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAN KEPADA KAJIAN  
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA SARAWAK.**

**UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.**

**APRIL 2000**

# ISI KANDUNGAN

## ISI

## MUKA SURAT

### PENGHARGAAN

I

### BAB 1

1

#### PENGENALAN

##### 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

##### 1.1 MATLAMAT KAJIAN

##### 1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

##### 1.3 PENYATA MASALAH

##### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

##### 1.5 HYPOTHESIS

##### 1.6 MOTHODOLOGI

### BAB 2

12

#### LEMBAGA SUNGAI – SUNGAI SARAWAK

##### 2.0 PENGENALAN

##### 2.1 LATAR BELAKANG LEMBAGA SUNGAI – SUNGAI SARAWAK

##### 2.2 PERANAN DAN FUNGSI LEMBAGA SUNGAI – SUNGAI SARAWAK

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penguatkuasaan ke atas pemeliharaan dan pemuliharaan Sungai Sarawak adalah langkah yang telah lama diperkenalkan oleh pihak Lembaga Sungai Sarawak dalam menjaga kualiti air daripada pencemaran.

Mengikut prosedur terbaru yang diperkenalkan oleh pihak Lembaga Sungai Sarawak ialah dengan menandatangani undang-undang dan peraturan bagi pengilang dan pengusaha serta masyarakat setempat bagi mengelakkan pencemaran daripada berlaku.

Sekarang ini "**Sarawak Rivers Cleanliness**" telah melancarkan program yang diberi nama Education Programmes atau Program Pendidikan Pendidikan Kebersihan Sungai-Sungai Sarawak iaitu telah menandatangani peraturan kebersihan sungai-sungai Sarawak, 1993.

Di dalam peraturan itu, pihak Lembaga Sungai Sarawak telah menetapkan jikalau didapati bersalah membuang sampah ke dalam sungai akan dihukum denda RM5000.00 atau dua tahun penjara. Dengan langkah yang diperkenalkan ini para pengilang, pengusaha atau pun masyarakat setempat dapat mengambil langkah yang drastik dalam mengelakkan pencemaran dan sentiasa berwaspada terhadap aktiviti mereka.

Bukan itu sahaja, para pemilik kilang dan pengusaha yang melibatkan pencemaran sungai akan diberi tempoh perhatian dan akan sentiasa mematuhi

## 1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenal Peranan dan Keberkesanan Lembaga Sungai Sarawak dalam Memelihara dan Memulihara Sungai Sarawak adalah untuk mendapatkan suatu respon atau tanggapan umum daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung. Maklum balas yang bakal diterima nanti juga akan digunakan untuk membuat satu analisis mengenai masyarakat dan peranan serta keberkesanan Lembaga Sungai Sarawak dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan Sungai Sarawak.

Hasil daripada kajian ini nanti juga mungkin dapat digunakan oleh masyarakat keseluruhannya untuk melihat sejauh mana langkah yang diperkenalkan oleh Lembaga Sungai Sarawak itu berkesan. Selain daripada mendapatkan maklum balas daripada masyarakat, kajian ini juga akan menganalisa data-data mengenai peratusan peningkatan keberkesanan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh pihak Lembaga Sungai Sarawak dan prosedur-prosedur yang baru mengenainya.

Bagi melaksanakan kajian ini, kami akan mendapatkan sumber-sumber yang berkaitan daripada Lembaga Sungai Sarawak dan pihak-pihak yang berkaitan.

## **BAB 2**

### **LEMBAGA SUNGAI – SUNGAI SARAWAK**

#### **2.0 PENGENALAN**

Dalam menghadapi kehidupan seharian kita perlu sedar tentang keperluan-keperluan yang sangat penting. Kalau kita hendak mengkaji kepentingan air kepada manusia, rasanya tidak terkira banyaknya faedah yang telah manusia dapat.

Daripada kajian para cendikiawan iaitu terdapat 97% air didunia ini adalah air masin dan selebihnya 3% adalah air bersih didunia, bayangkan hanya 3% sahaja air didunia ini bersih, boleh diibaratkan sebesar zarah sahaja ,itupun manusia masih tidak memanfaatkan sumber air dengan sebaik-baiknya.

Sebenarnya manusia masih tidur diplanet lain dan belum sedar daripada tidurnya. Sepatutnya pembangunan yang pesat membuatkan sumber air semakin tinggi nilainya, tetapi semakin pesat pembangunan inilah yang menyebabkan air tidak lagi selamat digunakan oleh manusia untuk kegunaan harian mahupun untuk kegunaan industri.

Sebenarnya bukan sahaja manusia yang memerlukan air tetapi hidupan lain seperti haiwan dan hidupan di mukabumi ini semuanya memerlukan air, contohnya ikan yang menjadi sumber rezeki manusia dan banyak lagi.

Walau bagaimanapun dengan adanya pihak Lembaga Sungai Sarawak yang ditubuhkan ini dapatlah masyarakat mengetahui kepentingan sebenar air. Dengan adanya peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan ini dapatlah